

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN KOBESI KUALA  
LUMPUR BERHAD**

**17 JUN 2023 (SABTU)**  
**2.30 PETANG**

Bismillahirrahmannirrahin  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Madani,

1. Setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana kerana dengan izin dan limpah kurniannya kerana pada hari ini kita semua diberikan peluang untuk berkumpul bersama bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KOBESI Kuala

Lumpur Berhad pada petang yang berbahagia ini.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak koperasi kerana telah menjemput saya sebagai wakil dari ANGKASA untuk merasmikan mesyuarat pada hari ini. Sesungguhnya saya berasa

teruja untuk memberikan sedikit input berkenaan landskap koperasi pada masa kini dan peranan yang dijalankan oleh ANGKASA bagi meneruskan legasi kecemerlangan koperasi di negara ini.

3. Syabas dan tahniah juga kepada anggota koperasi yang turut

melapangkan masa untuk sama – sama kita mengemudi hala tuju koperasi ini. Saya mendoakan agar usaha memajukan koperasi dapat dijalankan dengan baik sekali dalam membantu memenuhi keperluan setiap anggotanya.

## **Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,**

4. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah koperasi telah berkembang kepada 15,315, dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu, syer sebanyak RM16.98 Bilion, aset sebanyak RM159.6 Bilion

dan perolehan sebanyak RM45.5 Bilion.

5. Angka perolehan ini terus berkembang sejajar dengan pembukaan ekonomi secara penuh semenjak berlakunya pandemik COVID-19 bermula 2019 yang lepas. Biarpun perolehan



sedikit menurun namun pertumbuhan secara organik dapat dilihat pada tahun-tahun seterusnya melalui penglibatan aktif gerakan koperasi dalam pelbagai sektor.

6. Sebagai badan puncak gerakan koperasi di Malaysia, ANGKASA

terus giat melakukan proses eksplorasi melalui Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi ANGKASA bagi mencari perniagaan baharu untuk disertai koperasi dalam sektor berimpak tinggi. Ini memastikan koperasi dapat memberi sumbangan lebih

besar kepada KDNK negara seperti diharapkan oleh pihak kerajaan.

7. Kerajaan telah menyasarkan perolehan sebanyak RM60 Bilion pada tahun 2025 dan RM100 Bilion pada tahun 2030 untuk gerakan koperasi. Saya yakin angka ini dapat dicapai berdasarkan

kepada pertumbuhan semasa gerakan koperasi.

8. Koperasi perlu terus menjadi jentera pengukuhan sosiekonomi anggotanya melalui aktiviti yang mampu menjana perolehan yang memberangsangkan. Oleh sebab itu juga ANGKASA sentiasa

menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak kerajaan dan agensinya untuk meningkatkan peluang keterlibatan koperasi dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

9. Saya yakin kerjasama ini akan memberi manfaat secara terus dan

menyumbang kepada perolehan yang lebih memberangsangkan kepada gerakan koperasi.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati  
Sekalian,**

10. Melalui Pelan Strategik ANGKASA atau PESAN50, ANGKASA sedang

dalam fasa jangka sederhana 2021-2030 di mana kita sedang menumpukan usaha untuk menjadikan koperasi sebagai pilihan utama perniagaan.

11. Antara cabaran merealisasikan perkara ini adalah menarik minat orang ramai untuk menggunakan

koperasi sebagai platform niaga. Saya sarankan supaya koperasi juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan keterlibatan golongan belia dan professional dalam pengurusan koperasi.

12. Saya yakin kombinasi golongan belia dan kepimpinan senior ini



akan membantu koperasi untuk melakukan transformasi ke arah memajukan serta mempelbagaikan lagi sumber perolehan koperasi agar sentiasa dinamik dan lebih menguntungkan.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati  
Sekalian,**

13. Saya penuh yakin usaha membantu meningkatkan taraf kehidupan rakyat melalui platform koperasi dapat digalas oleh kita semua melalui kerjasama utuh semua pihak. Semoga kita semua bergerak senada dalam memperjuangkan hak demi kepentingan gerakan ini untuk

menjadi penyumbang berkesan dan utama kepada kesejahteraan hidup rakyat di negara ini.

14. Saya berharap mesyuarat pada hari ini dapat dijalankan secara teratur dan mencapai objektifnya Insyallah. Semoga Koperasi KOBESI Kuala Lumpur Berhad dapat terus

memberi khidmat terbaik dan lebih berdaya maju untuk tahun – tahun setersunya

15. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirrahim, saya  
dengan ini merasmikan **Mesyuarat  
Agung Tahunan KOBESI Kuala  
Lumpur Berhad.**

Sekian

Wabillahittaufiq walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh